



Info ICT

MAKLUMAT DI Hujung JARI


TIPS PENJAGAAN KOMPUTER

4 Aktiviti Housekeeping Yang Perlu Dilakukan Oleh Pengguna Komputer di Kementerian Dalam Negeri

1. Delete Browsing History

Internet Explorer (IE) akan menyimpan maklumat tentang laman web yang telah dilawati termasuk login ID dan password bertujuan untuk meningkatkan kelajuan melayari web dan juga mengurangkan menaip maklumat yang sama berulang kali.


Penyimpanan maklumat ini sekiranya tidak dikawal akan menyebabkan penggunaan storan yang besar di samping maklumat login ID, password dan e-form yang diisi adalah terdedah kepada penceroboh maklumat. Membuang Browsing History dapat membebaskan ruang cakera (release disk space) dan dapat mengelak maklumat daripada dicerobohi.



2. Disk Cleanup

Disk Cleanup pada Windows dapat membantu dalam membersihkan hard disk daripada fail-fail yang sebenarnya tidak diperlukan seperti *cache* halaman web, fail-fail sementara, fail-fail yang masih tersimpan di *Recycle-Bin*, *error reports* dan fail-fail *download* sementara di *folder temp*.

Membuang fail-fail atau data lama yang tidak diperlukan dapat mengurangkan penggunaan storan dan membebaskan ruang cakera.



3. Disk Defragmenter

Penyimpanan data-data atau fail pada storan adalah secara rawak. Kegunaan *Disk Defragmenter* adalah untuk menyusun semula kedudukan fail dalam hard disk supaya ia dapat mempercepatkan capaian data dalam komputer.

Defragmentation



This option will defragment files on the volume.

Defragment Now...

4. Error-checking

Hentakan kuat dan kesilapan instalasi kadangkala menyebabkan kesilapan logik, kerosakan fail atau *folder* pada hard disk. *Disk Error-checking Utility* boleh membantu untuk menyemak dan membetulkan sebarang masalah tersebut pada *hard disk* secara automatik.

Error-checking



This option will check the volume for errors.

Check Now...

SmartPhones.....



“ Smartphones ialah telefon bimbit yang menawarkan kemampuan komputer dan penyambungan internet yang lebih maju berbanding kemampuan telefon biasa. ”

Dalam abad dan era kemodenan yang semakin berkembang maju ke hadapan, *smartphones* kini telah menjadi satu *trend*. Golongan dari pelbagai lapisan sudah menyedari akan kepintaran serta kemudahan teknologi yang disediakan oleh *smartphones*. Dengan kemudahan internet jalur lebar tanpa wayar yang semakin berkembang, *smartphones* menjadi pilihan utama yang harus dimiliki oleh semua orang.

Terdapat perbezaan ketara antara *smartphones* dan telefon biasa. *Smartphones* ialah telefon bimbit yang menawarkan kemampuan komputer dan penyambungan internet yang lebih maju berbanding kemampuan telefon biasa. Telefon biasa mempunyai ciri-ciri asas seperti membuat panggilan, menghantar SMS dan MMS manakala telefon pintar ini pula boleh dikira sebagai komputer tetapi dalam bentuk yang lebih kecil, mudah dibawa ke mana sahaja dan bersifat personal lebih daripada komputer peribadi.

Pembeli smartphones mungkin mempertimbangkan pelbagai perkara sebelum membuat keputusan untuk membeli *smartphone* yang menepati cita rasa mereka termasuklah sistem pengoperasian (OS) bagi *smartphones* itu sendiri.


Apakah itu (OS)? OS biasanya selalu dikaitkan dengan komputer di mana diantara yang biasa digunakan adalah Windows termasuk Windows XP, Windows Vista atau Windows 7. Manakala ada juga pengguna menggunakan OS daripada Linux seperti Ubuntu, Fedora ataupun Red Hat. Seperti juga computer, *Smartphones* juga memerlukan OS untuk melaksanakan aplikasi yang terkandung di dalamnya.

Secara umumnya terdapat enam (6) OS yang popular dimasa kini iaitu Android, iOS, Symbian, RIM, Bada dan Windows Mobile. Paparan dibawah memberikan sedikit maklumat mengenai OS tersebut:

Os Smartphone	Maklumat	
Android	Sejarah	Dibangunkan oleh Android Inc sebelum dibeli oleh Google pada tahun 2005. Berdasarkan daripada modifikasi kernel Linux.
	Samrtphones	Acer, Cherry Mobile, HTC, Huawei, i-Mobile, LG, Motorola, Sony Ericsson dan CSL.
iOS	Sejarah	Sebelum ini dikenali sebagai iPhone OS. Dibangunkan khusus untuk produk Apple dan tidak digunakan untuk produk lain. Ia berasal daripada Mac OS X. Sistem pengoperasian bagi Komputer riba Apple.
	Samrtphones	iPhone
Symbian	Sejarah	Dibangunkan oleh Psion dan kemudiannya Symbian Ltd. dan kemudiannya diambil alih oleh Symbian Foundation.
	Samrtphones	Nokia
RIM (Research in Motion)	Sejarah	Dibangunkan di Ontario, Kanada oleh Syarikat Telekomunikasi Kanada.
	Samrtphones	Blackberry
Windows Mobile	Sejarah	Sistem pengoperasian untuk telefon pintar yang dibangunkan oleh Microsoft. Kebiasaannya produk yang menggunakan dengan Windows Mobile yang didatangkan dengan <i>stylus pen</i> .
	Samrtphones	HTC dan LG
Bada	Sejarah	Ia telah dibangunkan oleh Samsung Electronics. Perkataan ini bermaksud lautan di dalam bahasa Korea. Smartphone Samsung Wave S8500 yang menggunakan <i>platform</i> Bada mula diperkenalkan pada Februari 2010 di Mobile World Congress 2010 dan mendapat sambutan ramai termasuk Syarikat Twitter dan Gameloft.
	Samrtphones	Samsung

Pada masa kini, OS yang menguasai pasaran adalah Android di mana ia menguasai 33 peratus daripada paparan semasa. Namun, ia terpulung kepada pengguna itu sendiri untuk menentukan OS mana yang mereka suka.

Jika anda mahukan *Smartphones* yang trendy, pilih iOS, Jika ke arah bisnes, boleh pilih RIM. Namun, jika anda bukan tergolong di dalam golongan di atas, boleh pilih Android, Bada, Symbian atau Windows Mobile.



TIPS KESELAMATAN ICT ?

1. Rahsiakan kata laluan (password).Gunakan kata laluan yang kukuh melalui gabungan nombor, huruf, tanda dan simbol (contoh: P4s\$w0rd untuk password)
2. Salin maklumat lengkap. Buat salinan dengan kerap dan simpan di tempat yang selamat. (contoh: simpan dalam cd, external harddisk, dsbgnya)
3. Gunakan perisian anti-virus yang sah. (elak menggunakan perisian cetak rompak atau versi crack).
4. Encrypt maklumat terperingkat.
5. Berwaspada apabila memuat turun (download) program atau fail dari internet.
6. Jangan buka e-mel dari penghantar yang tidak dikenali.
7. Jangan biarkan komputer anda berada atas talian (online) jika tidak digunakan.
8. Shutdown komputer anda sebelum meninggalkan pejabat.

Cara mudah Shut Down Windows




Sedikit cara ringkas berkenaan Shut Down komputer, Jika sebelum anda mempunyai masalah untuk shut down komputer yang terlalu lama, mungkin anda boleh cuba cara ini.

Caranya tekan **Ctrl+Alt+Delete** di keyboard anda, kemudian klik tab "**Shut Down**" di sebelah atas **Task Manager** dan pilih apa yang anda mahu :

Stand By – Hibernate - Turn Off – Restart - Log off - Switch User

Untuk Shut Down komputer pilih '**Turn Off**'..dan dalam beberapa saat sahaja Windows anda akan **Shut Down!**



Kalendar Latihan ICT Mei – Jul 2012



JOM SERTAI KAMI...

Ahd	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

MEI

1. Microsoft Access 2007 (Asas)
2. Microsoft Excel 2007 (Asas)
3. Asas-asas Baik Pulih Komputer
4. Microsoft Power Point 2007 (Asas)

Ahd	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

JUN

1. Microsoft Power Point 2007 (Lanjutan)
2. Microsoft Excel 2007 (Asas)
3. Asas-asas Baik Pulih Komputer

Ahd	Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

JULAI

1. Adobe Photoshop CS3
2. Microsoft Excel 2007 (Lanjutan) Siri II
3. Adobe Photoshop CS3 bagi Content Manager KDN